

**TEKS UCAPAN**  
**YABHG. TAN SRI DATO' DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN**  
**YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK**  
**DI PELANCARAN WAQAF PERAK AR-RIDZUAN**  
**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK**  
**TARIKH: 07 APRIL 2016 (KHAMIS) JAM: 10.00PAGI**  
**TEMPAT: DEWAN BANKUET, SUK**

Bismillahi Rahmani Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Mengadap

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbudin Shah Al-Maghfur-Lah

**Ampun Tuanku beribu-ribu Ampun, Sembah Patik Mohon Diampun.**

1. Terlebih dahulu dengan penuh hormat dan takzimnya, patik bagi pihak Ahli Majlis dan seluruh warga kerja Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, merafak sembah dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana berkenan mencemar duli berangkat bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Waqaf Perak Ar-Ridzuan pada pagi yang mulia ini.

2. Sesungguhnya keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku amat dialu-alu dan dinanti-nantikan yang sudah pasti menambahkan lagi seri majlis. Keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap perkembangan instrumen wakaf sebagai wadah pembangunan sosio-ekonomi ummah amatlah dihargai. Sesungguhnya sokongan padu Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini telah memberikan suntikan semangat dan menyemarakkan lagi keazaman dan komitmen kami untuk meningkatkan lagi usaha ke arah meninggikan syiar Islam melalui wacana wakaf.

**Ampun Tuanku,**

3. Dengan penuh hormat dan takzimnya, patik mohon izin dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menyampaikan sepatah dua kata kepada para hadirin yang turut hadir dalam majlis ini.

**Ampun Tuanku,**

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri dan Parlimen

Yang Berbahagia Orang Besar-Orang Besar Negeri dan Orang Besar-Orang Besar Jajahan

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

Dif-dif jemputan, wakil-wakil media

Tuan-tuan, Puan-puan serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

4. Waqaf Perak Ar-Ridzuan yang dilancarkan secara rasminya pada hari ini adalah susulan daripada pewujudan Enakmen Wakaf (Perak) 2015 yang berkuatkuasa mulai 15 Februari 2016. Ianya direncanakan dengan teliti agar bersifat komprehensif yang merangkumi aspek-aspek utama kehidupan seseorang manusia iaitu **aspek Keagamaan, Pendidikan, Ekonomi dan Kesihatan**.
5. Di dalam aspek **Keagamaan**, Waqaf Perak Ar-Ridzuan akan mengumpul dana bagi tujuan Wakaf Pembangunan dan Perkembangan Ilmu Al-Quran. Ianya bermatlamat untuk menyebarkan ilmu Al-Quran dalam kehidupan ummah melalui pembelajaran, pengajian, pemahaman, penghayatan dan pengaplikasian ilmu Al-Quran. InsyaAllah melalui program ini, kita mampu membangunkan masyarakat dan ummah yang bukan sekadar menguasai Al Quran tetapi dapat membudayakan Al-Quran dalam kehidupan seharian.
6. Di dalam bidang **Pendidikan**, Waqaf Perak Ar-Ridzuan akan mengumpul dana bagi tujuan Wakaf Ilmu yang mengandungi Program Mumtaz dan Pembelajaran ICT. Ianya bermatlamat bagi mengecilkan jurang pencapaian akademik antara pelajar luar bandar dengan yang di bandar. Program ini akan menyediakan kelas bimbingan dan latihan intensif dengan penumpuan kepada subjek teras untuk meningkatkan pencapaian akademik di dalam peperiksaan utama pada peringkat rendah dan menengah. Kelas-kelas pengajian akan diadakan di masjid-masjid atau surau-surau terpilih dengan tenaga pengajar yang berkelayakan. Selain itu,

bagi mengatasi keperluan mendesak bagi kediaman pelajar-pelajar Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah di Kuala Kangsar atau KUISAS yang kini berjumlah lebih 4,000 orang, Waqaf Perak Ar-Ridzuan mengambil inisiatif untuk mengumpul dana bagi membina dua blok asrama kediaman baru yang mampu menampung seramai 720 orang pelajar.

7. Bagi aspek **Ekonomi**, Waqaf Perak Ar-Ridzuan mengambil inisiatif untuk membantu usahawan yang sedang berniaga secara kecil-kecilan dengan menyediakan ruang niaga yang lebih selesa dan teratur dengan kadar sewaan yang mampu mereka tanggung. Premis perniagaan dengan rekabentuk moden dan infrastruktur yang lengkap akan dibina di atas tanah-tanah wakaf am dan tanah-tanah Baitulmal di lokasi-lokasi yang strategik serta berdaya maju di seluruh Negeri. Selain itu, Waqaf Perak Ar-Ridzuan juga akan mengumpul dana bagi tujuan pelaksanaan Wakaf Bot. Wakaf ini bertujuan untuk meningkatkan taraf kehidupan dan ekonomi golongan nelayan terutamanya nelayan pesisiran pantai. Waqaf Perak Ar-Ridzuan akan menyediakan bot dan kelengkapannya termasuk mesin dan pukat serta sonar bagi membolehkan para nelayan menerokai ke kawasan laut yang lebih jauh dan sekaligus boleh meningkatkan hasil tangkapan.
8. Akhirnya, daripada aspek **Kesihatan**, Waqaf Perak Ar-Ridzuan juga akan mengumpul dana bagi pembinaan Pusat Hemodialisis Wakaf yang dirancang untuk dibangunkan di beberapa daerah. Ia bertujuan memberi akses dan kemudahan rawatan dialisis bagi menampung keperluan pesakit yang semakin meningkat. Dana terkumpul akan digunakan untuk pembinaan pusat rawatan, penyediaan kemudahan dan peralatan termasuklah mesin dialisis.

9. Jelaslah bahawa, penyatuan dana dalam saiz besar melalui inisiatif penubuhan dana Waqaf Perak Ar-Ridzuan ini sebenarnya mampu memperkasakan ummah melalui pelbagai program yang mencakupi aspek-aspek utama kehidupan seorang hamba Allah. Semoga dana ini mendapat tempat di hati masyarakat dan menjadi pemangkin kepada pembangunan sosio-ekonomi ummah yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

**Ampun Tuanku,**

10. Sebelum patik mengakhiri ucapan, ingin patik sembah maklumkan bahawa sebagai tanda sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada pelancaran Waqaf Perak Ar-Ridzuan, kesemua Ahli Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak telahpun menyumbangkan secara terkumpul sebanyak RM33,500.00 kepada Waqaf Perak Ar-Ridzuan. Begitu juga patik mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada syarikat-syarikat korporat yang telah memberikan sumbangan awal kepada dana Waqaf Perak Ar-Ridzuan terutamanya pihak Maybank Islamic yang telah menyumbangkan secara terus sebanyak RM5 juta bagi dana Pembangunan Asrama Pelajar di Kolej Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar. Sebagai tambahan, pihak Maybank Islamic juga bersetuju untuk menyumbangkan dana wakaf sebanyak RM5 juta lagi sebagai "*matching grant*" di mana bagi setiap ringgit yang disumbangkan oleh pewakaf melalui saluran Maybank2U, maka pihak Maybank akan mewakafkan pada nilai yang sama untuk Waqaf Perak Ar-Ridzuan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pewakaf dan bakal pewakaf.

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, Sembah Patik mohon diampun.**

11. Demikianlah berakhirnya ucapan patik sempena majlis ini. Patik sekali lagi dengan penuh hormat dan takzimnya merafak sembah menjunjung kasih di atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mencemar duli berangkat ke Majlis Pelancaran Waqaf Perak Ar-Ridzuan pada pagi yang bersejarah ini. Semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku terus kekal bersemayam di atas singgahsana takhta Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dengan dilindungi oleh rahmat Allah S.W.T. jua.
  
12. Patik mohon dengan segala kerendahan patik merafak sembah menyusun sepuluh jari, jika mengatur tutur kata tiada tertib, patik pohonkan keampunan. Jika ia tiada hemah patik pohonkan petunjuk

**Patik menjunjung kasih, Ampun Tuanku.**

Wabillahi taufiq wal hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

